

Transformasi pendidikan bantu capai Wawasan 2020

Fajar tahun 2020 bakal menyinggung tidak sampai empat tahun lagi, dengan sasaran Malaysia untuk mencapai status negara maju berpendapatan tinggi akan ditentukan sama ada berjaya atau tidak. Dalam erti kata lain, matlamat yang dicituskan oleh barisan kepimpinan negara hampir tiga dekad lalu - menerusi gagasan Wawasan 2020 - bakal dinilai status pencapaiannya dalam tempoh beberapa tahun sahaja lagi.

Persoalannya, apakah semua matlamat yang digariskan telah dicapai sepenuhnya atau mampu dicapai sepenuhnya apabila tiba masanya nanti? Satu elemen yang dinyatakan sebagai keperluan utama bagi merealisasikan Wawasan 2020 adalah pembangunan sistem pendidikan yang mapan.

Langkah memperkasakan sistem pendidikan secara menyeluruh adalah satu usaha membangunkan modal insan iaitu aset negara. Justeru, ia perlu dilaksanakan bagi memastikan kesinambungan kemajuan negara pada masa depan mampu dicapai dengan sempurna.

Natijahnya, kewujudan satu dasar pendidikan kebangsaan yang mampu memupuk perkembangan kemahiran, potensi, bakat, serta kreativiti keseluruhan rakyat Malaysia untuk digembleng secara bersepadu bagi merealisasikan matlamat sasaran Wawasan 2020 adalah sesuatu yang perlu dilaksanakan secara sistematik dan terancang.

Penuhi aspirasi negara maju

Keperluan mentransformasi sistem pendidikan secara bersepadu ini turut menjadi satu intipati Rancangan Malaysia Ke-10 (RMKe-10) yang menegaskan keperluan negara untuk memiliki tenaga kerja berpengetahuan dan berinovasi, mempunyai kemahiran teknikal dan profesional berkesan serta tahap produktiviti tinggi, bagi memenuhi aspirasi menjadi sebuah negara maju.

Sehubungan itu, transformasi pendidikan yang menyeluruh harus berlaku segera bagi menyokong usaha merealisasikan Wawasan 2020 yang kini memasuki fasa terakhir.

Pada peringkat pendidikan rendah dan menengah, pelbagai usaha dilakukan Kementerian Pendidikan (KPM) untuk memperkasakan sistem sedia ada masih memerlukan tempoh panjang untuk dinilai keberkesanannya. Inisiatif seperti pelaksanaan Penilaian Berasaskan Sekolah (PBS), pengwujudan sekolah anugerah khas seperti Sekolah Berprestasi Tinggi (SBT) dan Sekolah Kluster, serta peningkatan penguasaan bahasa Inggeris dalam kalangan murid, masih memerlukan proses penambahbaikan berterusan bagi memperoleh hasil yang diharapkan.

Selain itu, pelbagai agenda transformasi yang diperincikan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 memerlukan tempoh hampir 10 tahun lagi sebe-

lum boleh dinilai keberhasilannya.

Dalam konteks pendidikan tinggi pula, inisiatif transformasi yang bersepadu harus lebih dititikberatkan kerana lulusan institusi pengajian tinggi awam dan swasta adalah sumber utama untuk melahirkan tenaga kerja yang berilmu pengetahuan dan mahir.

Miliki nilai kebolehpasaran tinggi

Hakikatnya, berdasarkan laporan Kajian Pengesanan Graduan 2009-2015, dianggarkan sekitar 25 peratus graduan lepasan institusi pendidikan tinggi tempatan masih gagal mendapatkan pekerjaan selepas enam bulan menamatkan pengajian. Sejalan dengan sasaran ditetapkan dalam Pelan Strategik Pendidikan Tinggi Negara (PSPTN), Pelan Induk Kebolehpasaran Graduan 2012-2017 dan RMKe-10, adalah menjadi cabaran kepada semua pihak berkepentingan dalam dimensi pendidikan tinggi negara untuk melahirkan generasi graduan yang bukan sahaja berilmu, kompeten dan berdaya saing, malah memiliki nilai kebolehpasaran tinggi.

Ini merujuk kepada keupayaan individu siswazah untuk memperoleh pekerjaan dalam sesuatu tempoh tertentu selepas menamatkan pengajian. Justeru, pihak Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) dan semua institusi pendidikan tinggi awam dan swasta tempatan wajib menyahut cabaran ini dengan memperkasakan matlamat penghasilan kelompok graduan yang holistik dan memenuhi ciri yang dinyatakan.

Pada akhirnya, segala usaha mentransformasi sistem pendidikan demi merealisasikan wawasan ini, tidak mungkin mampu dicapai sekiranya semua pihak berkepentingan tidak berusaha mentransformasi minda, sikap, dan persepsi secara kolektif dan terarah. Sebagai contoh, orientasi kecemerlangan akademik yang lazim dihubungkan dengan prestasi bersandarkan keputusan peperiksaan sahaja harus diubah dalam kalangan pembuat polisi, warga pendidik di pelbagai peringkat, ibu bapa dan keseluruhan masyarakat umum.

Natijahnya, dimensi pendidikan di negara maju sudah lama berpaksikan pendekatan perkembangan bakat dan potensi yang pelbagai, serta tidak terlalu bergantung dengan keputusan 'di atas kertas' semata-mata. Semoga generasi masa depan yang bakal mewarisi kepimpinan negara akan memiliki ketrampilan dan personaliti berwibawa yang mampu merealisasikan Wawasan 2020 tepat pada waktunya, kesan daripada daya usaha mentransformasi dasar pendidikan kebangsaan sedia ada. Insyallah.

Penulis

ialah Pensyarah Kanan, Jabatan Pendidikan & Kesejahteraan Komuniti, Fakulti Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)



DR WASITAH MOHD YUSOF



DR ABU YAZID ABU BAKAR